

05/04/1998

Pengalaman 13 tahun jadi juruterbang Nuri

Zainudin Isa

IMPIANNYA menjadi juruterbang bermula sejak kecil lagi selepas beberapa kali dibawa keluarganya melawat Lapangan Terbang Antarabangsa Subang (kini Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah).

"Hampir setiap cuti penggal sekolah, ayah saya, Omar Kaliwon, pasti mengajak kami ke Kuala Lumpur melawat lapangan terbang. Dari situlah saya tertarik untuk menjadi juruterbang," kata Abdul Razak ketika ditemui, baru-baru ini.

Anak kelahiran Air Hitam, Muar, Johor itu berkata, selepas tamat Sekolah Menengah Teknik, Johor Bahru, beliau ditawarkan memasuki Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dalam bidang kejuruteraan mekanikal.

"Bagaimanapun, minat saya untuk menjadi juruterbang terus melonjak dan selepas dua tahun di UTM, saya mengambil keputusan untuk berhenti dan menyertai TUDM.

"Memanglah, hampir semua orang dalam keluarga saya tidak setuju apabila saya mahu berhenti universiti. Mereka tidak yakin saya mampu menjadi seorang juruterbang," katanya yang menjalani latihan asas selama sembilan bulan di Kem Port Dickson pada Mac 1981 sebelum mengikuti latihan asas helikopter di Kem Kluang, Johor.

Dalam latihan selama satu setengah tahun itu, beliau dipilih sebagai pelatih juruterbang terbaik di kalangan lapan pelatih lain.

Selepas menjalani latihan peralihan mengendalikan pesawat Nuri, beliau dihantar bertugas dalam Skudron 3, Kem TUDM Butterworth, Pulau Pinang. Ketika itulah beliau banyak terbabit dalam operasi di perbatasan serta tugas mencari dan menyelamatkan (SAR).

Malah, beliau pernah menyertai operasi menyelamatkan seorang juruterbang pesawat pejuang A-4 Skyhawk milik Tentera Udara Amerika Syarikat yang terhempas di Hutan Gerik, Perak pada November 1987.

"Kami menerima arahan itu kira-kira jam 4 petang pada hari kejadian. Ketika itu, hujan lebat dan angin kencang. Jadi, pesawat Nuri yang kami naiki tidak boleh terus ke Gerik.

"Sebaliknya, kami terpaksa berpatah ke arah selatan di Ipoh sebelum membelok ke utara dengan melintasi Banjaran Bintang. Bayangkan selain terpaksa merempuh perjalanan kira-kira 24 kilometer dalam cuaca buruk, kami juga terpaksa terbang pada paras rendah berselang-seli dengan banjaran bagi mengelak dipukul ribut," katanya.

Selain itu, kawasan berkenaan juga masih diisytiharkan Kawasan Hitam berikutan ancaman pegganas komunis.

Abdul Razak bagaimanapun berkata, demi menaikkan maruah negara, beliau terpaksa juga mengambil risiko dengan mempertaruhkan nyawanya serta enam krew lain.

"Alhamdulillah, juruterbang berkenaan dapat diselamatkan dan hanya mendapat kecederaan kecil," katanya.

Berikutan kejayaan itu, beliau dan rakan-rakannya diberi sijil penghargaan oleh sebuah pertubuhan penyelamat Amerika Syarikat.

Menurut Abdul Razak, ketika bertugas di Labuan, Sabah pada 1988 hingga 1991 pula, beliau banyak terbabit dalam penerbangan malam, terutama di antara Pulau Terumbu Layang-Layang ke Kota Kinabalu.

"Dulu kita mempunyai kira-kira 134 anggota tentera di pulau itu. Kalau ada di antara yang sakit, kami terpaksa menerbangkannya ke hospital di Kota Kinabalu," katanya.

Pada 1993, beliau dipilih untuk menyertai misi pengaman Pertubuhan

Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Kemboja.

Menurut Abdul Razak, pengalaman bertugas di negara yang baru tamat perang itu juga banyak memberinya pengalaman baru.

"Itulah kali pertama TUDM menghantar pesawat Nuri menyertai misi PBB. Tetapi, saya bersyukur kerana sepanjang misi tiga setengah bulan itu, tiada satu pun pesawat Nuri ditembusi peluru berbanding pesawat negara lain," katanya.

Pada 1994 pula, Abdul Razak menyertai Skuadron 10 yang berpangkalan di Kem TUDM Sungai Besi. Antara tugas skuadron itu ialah membawa orang kenamaan negara, termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau mengambil keputusan berhenti pada 1995 dan menyertai syarikat penerbangan swasta di ibu negara.

(END)